

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PENUTUP DAN  
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN MINGGU HALUAN SISWA UTeM SESI 2007/2008

UTEPADA 07 JULAI 2007 DI PUSAT KULIAH UTeM, KAMPUS INDUSTRI, UTeM

BERJALAN JALAN KELAONG 14, 75310 MELAKA, MALAYSIA

KELUAR MELAKA, MALAYSIA

**TEMPAT:**

**KAFETERIA**

**KAMPUS INDUSTRI, UTeM**

**TARIKH :**

**07 JULAI 2007**

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS  
PENUTUP DAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN  
MINGGU HALUAN SISWA UTeM SESI 2007/2008  
BERTEMPAT DI KAFETERIA, KAMPUS INDUSTRI  
UTeM PADA 07 JULAI 2007 JAM 9.00 MALAM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DALAM SALAM  
SEJAHTERA

YBHG DATUK PROF. DR ABU BIN ABDULLAH  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN  
ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN  
INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI

SAUDARA MOHD NAQIB BIN DERANI

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SETERUSNYA MAHASISWA/I SERTA HADIRIN DAN  
HADIRAT YANG SAYA HORMATI

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA DAN KEIZINANNYA DAPAT  
KITA BERKUMPUL SEKALI LAGI PADA MALAM INI  
BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUP DAN  
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN MINGGU HALUAN  
SISWA (MHS) SESI 2007/2008.

MAJLIS INI ADALAH KEMUNCAK KEPADA MINGGU HALUAN SISWA YANG TELAH DIMULAKAN PADA 01 JULAI YANG LALU. SAYA AMAT BERSYUKUR KERANA SAUDARA-SAUDARI TELAH DAPAT MELALUI MINGGU HALUAN SISWAINI DENGAN JAYANYA. SEMOGA PROGRAM YANG BERLANGSUNG SELAMA 7 HARI INI TELAH BENAR-BENAR MENCAPAI MATLAMATNYA.

MINGGU HALUAN SISWA ADALAH PROGRAM ORIENTASI YANG PERLU DISERTAI OLEH SEMUA PELAJAR BARU DI MANA-MANA JUGA UNIVERSITI DI NEGARA INI. IA ADALAH PLAT FORM TERBAIK KEPADA PIHAK UNIVERSITI UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT KEPADA ANDA SAMA ADA MAKLUMAT AKADEMIK, KEWANGAN, SISTEM MAKLUMAT DAN SEBAGAINYA.

DI SAMPING ITU, PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA JUGA MENYEDIAKAN BEBERAPA AKTIVITI

LAIN SEPERTI LATIHAN DALAM KUMPULAN, CERAMAH MOTIVASI, TAKLIMAT TEKNIK PEMBELAJARAN BERKESAN, KHIDMAT MASYARAKAT IAITU LAWATAN KE RUMAH ORANG TUA DAN GOTONG ROYONG DI SEKITAR KAWASAN AYER KEROH SERTA SUKAN.

KEPELBAGAIAN AKTIVITIINI DISUSUN SUPAYA ANDA MERASA SERONOK DAN CERGAS UNTUK MENGIKUTI MINGGU HALUAN SISWA. PERKARA-PERKARA INI ADALAH AKTIVITI YANG AKAN ANDA LALUI SEPANJANG MENUNTUT DI UTeM.

DI UTeM ANDA TIDAK SAHAJA PERLU MENUMPUKAN PERHATIAN DALAM BIDANG AKADEMIK SAHAJA TETAPI JUGA PERKARA-PERKARA LAIN. PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI MENGADAKAN PELBAGAI AKTIVITI SAMA ADA DALAM BENTUK KEBUDAYAAN, SUKAN,

KHIDMAT MASYARAKAT DAN LAIN-LAIN UNTUK ANDA SERTAI.

SEKIRANYA ANDA BERMINAT DAN CENDERUNG DALAM BIDANG SUKAN, MAKA ANDA BOLEH MENYERTAI PELBAGAI ACARA SUKAN YANG DIKENDALIKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI DAN JUGA MASUM (MAJLIS SUKAN UNIVERSITI).

BEGITU JUGA ANDA BOLEH MENYERTAI AKTIVITI KEBUDAYAAN YANG DIKENDALIKAN OLEH UNIT KEBUDAYAAN HEPA SEPERTI PERTANDINGAN NYANYIAN, DIKLEMASI PUASI, MENGANGGOTAI BAND PELAJAR DAN SEBAGAINYA.

KEPADА YANG BERMINAT MENGANGGOTAI PASUKAN BERUNIFORM BOLEH MENYERTAI KOR SUKARELAWAN SISWA-SISWI (SUKSIS) SEKIRANYA LAYAK. SELAIN ITU PROGRAM KHIDMAT

MASYARAKAT SEPERTI PROGRAM BAKTI SISWA (BAKSIS) TURUT DIADAKAN DI BANYAK NEGERI SEPERTI KELANTAN, NEGERI SEMBILAN, JOHOR DAN PAHANG. TERDAPAT 31 KELAB DAN PERSATUAN DITUBUHKAN DI UTeM. BUATLAH PILIHAN YANG SESUAI DENGAN ANDA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA TAHU BAHAWA KEBANYAKAN DARIPADA ANDA MERASA PENAT SEPANJANG MENGIKUTI MINGGU HALUAN SISWA INI SELAMA SEMINGGU YANG LALU. PROGRAMINI BERMULA DARIPADA ANDA BANGUN JAM 5.30 PAGI SEHINGGALAH TAMAT PADA MALAM HARI DAN PERLU LALUI DENGAN TABAH.

INI MERUPAKAN LATIHAN PERTAMA KEPADA ANDA UNTUK MEMBENTUK DISIPLIN DAN KETEKUNAN

SEMASA MENUNTUT DI UNIVERSITIINI SUPAYA ANDAMAMPU MENJADI MAHASISWA YANG BERJAYA.

SELEPASTAMATNYA MINGGU HALUAN SISWA INI ANDAPERLU BERDIKARI DAN MEMBUAT PENILAIAN SENDIRI DALAM MENEMPUH KEHIDUPAN SEBAGAI MAHASISWA UTeM. TIADALAGI FASILITATOR YANG MEMBERI ARAHAN DAN TEGURAN SEPERTI SEPANJANG PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA.

APABILA ANDA BERADA DI UNIVERSITI, ANDA HARUS BERDIKARI UNTUK MEMAJUKAN DIRI SENDIRI. PARA MAHASISWA TELAH DIANGGAP MATANG UNTUK MENILAI PERKARA YANG BAIK DAN BURUK YANG DILAKUKAN. SEKIRANYA ANDA INGIN MAJU, MAKAHENDAKLAH BERUSAHA DENGANGIGIH. TETAPI SEKIRANYA SAUDARA-SAUDARI LEKA MAKA SAUDARA-SAUDARI AKAN KETINGGALAN.

WALAUPUN BEGITU PIHKUNIVERSITI SENTIASA BERSEDIA MEMBANTU ANDA DALAM APA JUA MASALAH YANG DIHADAPI. SENTIASALAH BERKUNJUNG KE PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI ATAU KE PEJABAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SEKIRANYA ANDA INGIN MENDAPATKAN MAKLUMAT, PENERANGAN SERTA PANDANGAN. KAMI DI UNIVERSITIINI SENTIASA BERSEDIA MEMBANTU ANDA.

#### HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA MENGUCAPKANSYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SISWA-SISWI YANG MENGAMBIL BAHAGIAN MENYERTAI PERSEMBERANHPADA MALAMINI. DALAM KESIBUKANMENGIKUTI CERAMAH DAN AKTIVITI YANG PADAT PADA MINGGU HALUAN SISWAINI, SAUDARA-SAUDARI MASIH MAMPU UNTUK MEMBUAT PERSIAPAN

PERSEMAHAN. IANYA ADALAH SATU PERMULAAN YANG BAIK.

USAHA DAN KETERLIBATAN SEPERTIINI PERLU DIKEKALKAN DAN DIPERTINGKATKAN LAGI. KITA JANGAN HANYA MENJADI PENONTON TETAPI JUGA PERLU MENYUMBANG KEPADA SESUATU AKTIVITI WALAUPUN KECIL SEBAGAI TANDA SOKONGAN KITA KEPADA PEMBANGUNAN DIRI DAN UNIVERSITI.

DENGAN ITU KITA MEMBERI RUANG DAN PELUANG KEPADA DIRI SENDIRI UNTUK MENUNJUKKAN POTENSI DIRI. MENJADI MAHASISWA YANG UNGGUL BUKAN SEKADAR MENDAPATKAN ILMU DI DALAM BILIK KULIAH TETAPI JUGA MENGUTIP PENGALAMAN DARI AKVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

MANFAATKANLAH MASA UNTUK MELAKUKAN PERKARA YANG BERFAEDAH DAN LAKUKANLAH PERKARA YANG TERBAIK SEMASA MENUNTUT DI SINI. PERUNTUKKANLAH MASA DENGAN BIJAK SUPAYA SAUDARA-SAUDARI TIDAK MEMBUANG MASA KEPADA PERKARA YANG TIDAK BERFAEDAH.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA PEJABAT HAL EHWAJ PELAJAR DAN ALUMNI, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP), PARA FASILITATOR, PARA PEGAWAI DAN SESIAPA JUGA YANG TERLIBAT MENJAYAKAN PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA SESI 2007/2008 INI.

KEPADASEMUA PARA MAHASISWA UTeM SESI 2007/2008 JADIKNALAH PENGALAMAN MINGGU HALUAN SISWAINI SEBAGAI SATU DETIK BAGI MEMULAKAN KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG PADA MASA HADAPAN. SEMOGA

ANDA TERHIBUR DENGAN PERSEMBERAN  
KEBUDAYAAN YANG DISAJIKAN.

SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAHITAUFIK                    WALHIDAYAH  
WASALAMUALIKUM WBT.